

PENERAPAN ETIKA ISLAM DAN PEMATUHAN KONSEP '*SUMMUM BONUM*' OLEH PELANGGAN DALAM PERNIAGAAN HOMESTAY PATUH SYARIAH DI SABAH

IMPLEMENTATION OF ISLAMIC ETHICS AND COMPLIANCE WITH THE '*SUMMUM BONUM*' CONCEPT BY CUSTOMERS IN SYARIA COMPLIANT HOMESTAY BUSINESSES IN SABAH

Suhailah Abdul Muin¹
Mohd Nor Azan Abdullah²
Norcikeyonn Samuni³

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mail: drsuhailah@ums.edu.my)

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: azan@ums.edu.my)

³ Pembantu Penyelidik, Geran SDK0336-2022, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: uncuyunn89@yahoo.com)

Article history

Received date : 19-6-2023
Revised date : 20-6-2023
Accepted date : 7-9-2023
Published date : 29-9-2023

To cite this document:

Abdul Muin, S., Abdullah, M. N. A, & Samuni, N. (2023). Penerapan etika islam dan pematuhan konsep '*Summum Bonum*' oleh pelanggan dalam perniagaan homestay patuh syariah di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 132 – 147.

Abstrak: Islam adalah cara hidup dan di dalamnya terdapat langkah-langkah ber-muamalah (usaha dan perniagaan) agar tujuannya memenuhi (syariah) seterusnya memperoleh pendapatan (rezeki) yang berkat. Salah satu perniagaan yang boleh dilaksanakan dengan menerapkan etika islam adalah dalam bidang pelancongan iaitu perkhidmatan penginapan Homestay Patuh Syariah. Pelancongan di dalam Islam merupakan satu ibadah di mana ianya perlu dilaksanakan dengan niat dan tujuan yang baik untuk mengelakkan perkara yang dilarang oleh syarak. Pencegahan terhadap perkara-perkara yang dilarang oleh Islam (mafsada) terkait dengan etika seseorang individu yang membawa kepada '*Summum Bonum*' iaitu prinsip kebaikan tertinggi. Hal ini selaras dengan usaha memperkasakan Model Homestay Patuh syariah di Sabah yang mana setiap pengusaha penginapan perlu menekankan kepentingan pematuhan ciri-ciri etika dalam kalangan pelanggan. Terdapat empat (4) ciri-ciri dalam aspek etika pelanggan yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu penginap berpakaian yang menutup aurat, menjaga adab dan akhlak, penginapan dalam kalangan mahram, dan sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan. Fokus dalam kertas kerja berkonsepkan inovasi idea ini adalah untuk menjelaskan asas etika islam dalam menjalankan perniagaan, meneliti pematuhan ciri-ciri etika pelanggan di homestay yang terpilih dan mencadangkan inovasi idea dalam pendefinisian konsep ciri-ciri etika pelanggan dan penginap dalam konteks patuh syariah. Kajian ini dilaksanakan di tiga puluh (30) buah homestay sekitar Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah. Kaedah utama yang digunakan bagi mendapatkan data kajian adalah menggunakan teknik temubual dan juga penggunaan soal selidik (senarai semak) ketika lawatan di lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa keempat-

empat ciri yang diketengahkan tidak mencapai pengaplikasian secara total. Justeru, penekanan terhadap prinsip 'Summum Bonum' dalam usaha pemeraksanaan homestay patuh syariah perlu diusahakan secara optimum oleh pihak pengusaha homestay dan juga para penginap agar matlamat mencapai keredhaan Allah SWT dapat dimanifestasikan secara sempurna.

Kata Kunci: *Summum Bonum, Etika Islam, Pelanggan, Homestay Patuh Syariah, Pelancongan Islam*

Abstract: *Islam is a way of life and in it, there are muamalah steps (business and business) to fulfill the purpose (shariah) and then obtain a blessed income (prosperity). One of the businesses that can be implemented by applying Islamic ethics is in the field of tourism, which is the Syariah Compliant Homestay accommodation service. Tourism in Islam is an act of worship it needs to be carried out with good intention and purpose to avoid things that are prohibited by Shariah. Prevention of things prohibited by Islam (mafsada) is related to the ethics of an individual that leads to 'Summum Bonum' which is the highest principle of goodness. This is in line with efforts to empower the Sharia-Compliant Homestay Model in Sabah where every accommodation operator needs to emphasize the importance of compliance with ethical characteristics among customers or lodgers. Four (4) characteristics in the ethical aspects of customers or lodgers are highlighted in this study, namely, lodgers who wear clothes that cover their aurat, maintain manners and morals, stay in mahram circles, and always maintain personal hygiene and the accommodation space. The focus of this conceptual innovation paper is to explain the basis of Islamic ethics in doing business, examine compliance with the ethical characteristics of customers and lodgers at selected homestays, and propose innovative ideas in the definition of the concept of ethical characteristics of clients and lodgers in a syariah-compliant context. This study was carried out in thirty (30) homestays around Kota Kinabalu, Kundasang, and Semporna, Sabah. The main method used to obtain research data is using interview techniques and also the use of questionnaires (checklists) during field visits. The results of the study found that the four features highlighted did not achieve total application. Thus, the emphasis on the principle of 'Summum Bonum' in the effort to empower sharia-compliant homestays needs to be optimally pursued by the homestay operators and also the lodgers so that the goal of attaining the pleasure of Allah SWT can be perfectly manifested.*

Keywords: *Summum Bonum, Islamic Ethics, Customers, Shariah Compliant Homestay, Islamic Tourism*

Pendahuluan

Negara-negara Islam seperti Malaysia merupakan salah satu destinasi yang sering menjadi perhatian pelancong ketika ini berikutan berkembangnya permintaan terhadap penyediaan kemudahan penginapan pelancong yang menitikberatkan ciri-ciri Islam. Pelancongan Islamik menekankan kepatuhan kepada suruhan Allah S.W.T dan sunnah Rasulullah S.A.W. Industri pelancongan pada masa kini semakin berkembang terutama melibatkan pelancong-pelancong yang beragama Islam. Terdapat negara-negara yang bukan Islam turut menyediakan kemudahan mesra pelancong muslim kepada pelancong Muslim bagi keperluan menunaikan perintah Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W agar potensi produk pelancongan mereka turut berkembang dan diminati serta disertai oleh pelancong beragama Islam, (Bini Noraini dan Muhammad Fathullah, 2023).

Dalam menjalankan perniagaan dalam industri pelancongan khususnya dalam aspek penawaran produk perkhidmatan kepada pelanggan, tentu sekali amalan etika yang baik perlu untuk diaplikasikan. Menurut Ritha (2009), etika dalam perniagaan perlu disepakati oleh orang-orang yang berada dalam lingkungan kumpulan perniagaan itu sendiri seperti pengusaha, penginap, pembekal, pekerja dan serta masyarakat sekitar. Etika bertindak sebagai undang-undang dalam suatu kumpulan masyarakat akan dapat membimbing dan mengingatkan anggotanya kepada suatu tindakan yang terpuji (*good conduct*) yang harus selalu dipatuhi dan dilaksanakan. Dalam amalan perniagaan, etika sering dikaitkan dengan tingkah laku manusia yang mana menurut Bittel, Birke dan Bilbrey adalah suatu koleksi prinsip-prinsip moral, peraturan yang diamalkan oleh masyarakat dan ianya dapat diterima oleh sebahagian atau seluruh masyarakat, (Mustaffa, 1996).

Konsep menyampaikan perkhidmatan dengan beretika dapat disediakan melalui pemasaran dalam Islam. Justeru, Islam adalah sebagai cara hidup yang komprehensif juga dapat menyediakan peraturan untuk aktiviti berjual beli secara beretika mengikut al-Quran dan sunnah (Arham, 2010). Etika Pemasaran Islam merangkumi empat komponen: usaha untuk berkhidmat kepada pelanggan, persaingan yang adil, ketelusan dan tingkah laku yang bertanggungjawab, (Ali, 2011 dalam Aimi dan Kamarul, 2020). Prinsip-prinsip perniagaan yang lebih manusiawi seperti yang diajarkan oleh ajaran Islam dan Rasulullah SAW sebagai contohnya adalah berorientasikan pelanggan, telus, persaingan yang sihat serta adil, (Norvadewi, 2015).

Isu dan Pernyataan Masalah

Segala pekerjaan perlu dilakukan dengan keyakinan penuh kepada Allah bahawa segala kejayaan dicapai dengan usaha insaniah melalui keredhaan dan bantuan Allah tanpa melalaikan keperluan fardu mahu pun sunnah yang disyariatkan oleh Allah. Oleh itu, aktiviti perniagaan bukan sahaja dilakukan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata, tetapi pada masa yang sama menunaikan kewajipan sebagai anggota masyarakat Islam. Antara tujuan sesuatu perniagaan itu diwujudkan ialah memenuhi tuntutan agama yang mana syariat Islam diturunkan bagi memenuhi tahap *daruriyyat* (keperluan utama) manusia yang boleh didefinisikan sebagai pemeliharaan lima perkara utama dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Segala usaha menjaga serta memelihara kepentingan kelima-lima perkara utama tadi adalah dianggap *maslahah* (kebaikan) manakala usaha-usaha yang bertentangan dengannya dikira sebagai *mafsadah* (keburukan). Menurut Yusuf al-Qaradawi, asas kepada aktiviti perniagaan dan ekonomi Islam mestilah bertunjangkan akidah Islam yang jernih. Ini boleh dibuktikan melalui firman Allah swt yang bermaksud:

“Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baru tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar berkhotbah). Katakanlah (wahai Muhammad: pahala, balasan) yang ada di sisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki.”

(QS Al-Jumu‘ah, 62:11)

Dalam ayat di atas, Allah telah menampar mereka yang mengutamakan perniagaan sehingga mengabaikan kewajipan mendengar khutbah dan menunaikan solat Jumaat, sedangkan yang memberikan rezeki kepada mereka itu adalah Allah dan bukannya perniagaan itu sendiri. Maksudnya, ayat ini menjelaskan bahawa segala urusan penting yang wujud dalam dunia

perniagaan tidak boleh dilakukan sehingga mengabaikan kewajiban utama seperti solat, puasa, haji dan sebagainya. Agama Islam juga meletakkan batasan atau garis panduan untuk dijadikan pedoman bagi masyarakat untuk mengetahui mana yang halal dan haram yang dikenali sebagai etika. Menurut Muhammad Yusof, Muhammad Abu Naim dan Kamarul, (2020), etika perniagaan merupakan prinsip moral yang dikenali sebagai aturan tingkah laku yang diguna pakai dalam transaksi sesuatu perniagaan.

Manakala, konsep '*Summum Bonum*' adalah ungkapan Latin yang bermaksud prinsip kebaikan tertinggi yang diperkenalkan oleh Marcus Tullius Cicero iaitu seorang ahli falsafah Rom dari Yunani Kuno merupakan di antara beberapa nilai baik yang dituntut oleh Islam. Konsep '*Summum Bonum*' menunjukkan prinsip fundamental yang menjadi dasar beberapa sistem etika yang berprinsipkan 'kebaikan yang terbaik'. Perwatakan dan keperibadian yang baik akan melahirkan kehidupan yang baik. Oleh yang sedemikian tuntutan konsep etika nilai baik '*Summum Bonum*', sekiranya diterapkan dan diamalkan secara konsisten, dalam kehidupan, dapat membina kesempurnaan akhlak Islam dalam segala bidang pekerjaan dan kehidupan kemasyarakatan manusia. Konsep '*Summum Bonum*' juga dijelaskan oleh Milton dan Edelvino (2021) sebagai teras kebaikan dan keharmonian yang menghubungkan manusia dengan ketuhanan dalam mencapai kesempurnaan hidup harmoni sebagai pematuhan konsep '*summum bonum*' oleh pelanggan semasa menginap di homestay patuh syariah di Sabah.

Dalam peradaban Islam, keperluan mengamalkan etika Islam dilihat sebagai cara terbaik untuk mencapai kebahagiaan duniawi dan ukhrawi serta memperolehi rahmat dan keredhaan Allah yang mendorong kepada perilaku kebaikan yang tertinggi daripada segala hal. Asas etika Islam adalah bersumberkan sumber ketuhanan (*dalil naqli*) iaitu al-Quran dan al-Hadith. Dalam masa yang sama, Islam turut mengiktiraf sumber kemanusiaan (*dalil `aqli*) yang terdiri daripada taakulan akal, naluri dan juga pengalaman manusia. Namun, akal, naluri dan pengalaman ini mestilah digunakan dengan bimbingan wahyu al-Qur'an dan al-Hadith itu sendiri. Nilai kebaikan dan keburukan sentiasa akan menjadi sumber rujukan (*frame of reference*) dalam segala tindak dan perlakuan manusia dalam menjalani kehidupan. Aristoteles menyatakan bahawa perbuatan manusia yang menjurus ke arah kebaikan terbahagi kepada dua nilai iaitu kebaikan sebagai alat dan kebaikan sebagai nilai tersendiri, (Enoh, 2007).

Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif yang digariskan dalam makalah berkonsepkan inovasi idea ini iaitu;

- i. Menjelaskan asas etika islam dalam menjalankan perniagaan
- ii. Meneliti pematuhan ciri-ciri etika pelanggan dan penginap di *homestay* yang terpilih dan
- iii. Mencadangkan inovasi idea dalam pendefinisian konsep ciri-ciri etika pelanggan dan penginap dalam konteks patuh syariah.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif serta rekabentuk kajian ini adalah berasaskan analisis kajian rintis dokumen. Analisis dokumen melalui kajian kepustakaan terhadap bahan literatur seperti tesis, buku dan laman web, artikel jurnal dan prosiding yang berkaitan tajuk kertas kerja. Seterusnya metod analisis berdasarkan tinjauan kajian rintis terhadap 30 buah homestay di kawasan utama sekitar Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah menggunakan borang soal selidik dan temu bual responden.

Jadual 1: Senarai Homestay Yang Terlibat Dalam Penelitian Penerapan Etika Islam Dan Pematuhan Konsep ‘Summum Bonum’ Dalam Kalangan Pelancong

Kota Kinabalu	Kundasang	Semporna
5B Suite Homestay	D&D Homestay	Aleesya Homestay
Borneo Musafir Homestay	Hasah’s Homestay	Anefa Homestay
D’Nur’s Homestay	Kiram Village	Awani Homestay
Ermat’s Guesthouse	Sulap Dahai	Lasa Guesthouse
Leisure Homestay	Sinurambi	Island Guesthouse
LK Stay	Sinurambi 2	D’Tampi Homestay
RHY Homestay	Midori Homestay	Khayrin’s Homestay
Rumah Pangi Tuaran	Tisan Nulu Homestay	Mentari Homestay
City Muslim Sulap	Teratak Haji Rashiman	Art Homestay
Yayang Putatan Homestay	Nulu-Nuluw Farmhouse	Paghali-halian Homestay

Sumber : Kajian Lapangan (2022)

Etika Islam Dalam Pelaksanaan Perniagaan

Objektif pertama adalah untuk menerangkan etika islam dalam pelaksanaan perniagaan. Etika Islam mempunyai ciri-ciri yang istimewa yang tidak ada pada etika-etika yang lain. Setiap perniagaan harus mempunyai etika untuk dijaga dan diamalkan. Dalam Islam, perniagaan wajib mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dan Hadis. Perniagaan yang dilakukan perlu di atas kehendak pembeli dan penjual serta tiada unsur penganiayaan atau penipuan sehingga merugikan sebelah pihak. Menurut Mohd Nizho Abdul Rahman dan Mohd Shukri Hanapi (2008) peranan terpenting etika perniagaan dalam Islam adalah untuk memastikan setiap manusia yang berkecimpung dalam bidang perniagaan mesti mengelakkan diri dari segala sifat terkeji (*mazmumah*) dan menghiasinya dengan sifat-sifat yang terpuji (*mahmudah*), sekaligus sifat-sifat ini menjamin kemaslahatan manusia dengan memelihara diri dari segala unsur yang boleh mencetuskan pergaduhan, perbalahan, pertikaian, penindasan dan rasa ketidakpuasan dalam urusan perniagaan. Menurut Rossidi et. al., (2019), seseorang peniaga sewajarnya mengetahui dan memahami etika perniagaan Islam secara mendalam sebelum berkecimpung dalam bidang perniagaan supaya kegiatan perniagaan yang dilakukan menjadi ibadah yang membawa kejayaan di dunia dan akhirat.

i) Niat Berniaga Kerana Allah

Bagi setiap orang Islam, niat merupakan perkara yang penting dalam diri seseorang dalam menentukan arah tuju pekerjaannya. Begitu juga dengan perniagaan, sebagai Muslim harus meletakkan niat untuk berniaga dan berjaya dalam perniagaan kerana Allah. Tanpa niat yang betul akan merugikan masa depan kehidupannya di dunia mahu pun di akhirat. Terdapat pekerjaan yang halal tetapi disebabkan niatnya itu tidak halal dan tidak tentu arah tujuhnya, maka hasil yang diperolehi tidak membawa apa-apa keberkatan, (Normala, 2009). Kebanyakan peniaga memulakan perniagaan dengan mengambil perkiraan kos untung rugi. Dalam konteks Islam, ikhtiar usaha dalam menjalankan perniagaan perlu disandarkan kepada Allah s.w.t. yang memberi rezeki dari segi untung ruginya. Tidak dinafikan orang yang berniaga perlukan keuntungan, tetapi pekerjaan tersebut harus diniatkan kerana Allah terlebih dulu, kerana niat itulah penentu keberkatan dalam perniagaannya.

Niat merupakan perkara yang penting kerana ia akan menentukan halatuju perbuatan seseorang. Ini kerana, niat tidak dapat dipisahkan daripada setiap perbuatan kita. Berdasarkan sebuah hadith yang masyhur dan sering diungkapkan yang datangnya daripada Umar bin al-Khattab

RA, berbunyi, aku mendengar Nabi SAW bersabda yang bermaksud, **sesungguhnya setiap amalan itu bergantung pada niat**. *[Riwayat al-Bukhari (1)]*.

Berdasarkan hadith ini, kita maklum bahawa niat merupakan perkara yang amat penting kerana ianya yang akan menentukan tujuan amalan tersebut.

ii) Menjual Barangan Halal

Dalam usaha untuk menjadikan perniagaan itu diberkati, adalah penting untuk peniaga menjauhkan diri daripada menjual atau menyediakan perkhidmatan terlarang serta meninggalkan penjualan barang yang boleh dianggap sebagai syubhah. Peniaga Muslim adalah dilarang dan ditegah sama sekali untuk menjual barangan terlarang seperti alkohol, dadah dan sebagainya. Etika perniagaan menurut Islam pastinya adalah barangan yang dijual mestilah barang yang halal dan bersumberkan halal. Di dalam al-Quran, Allah s.w.t menggunakan istilah halal dalam pelbagai keadaan ayat. Antara penggunaan tersebut ada yang menyentuh sudut muamalat, perkahwinan dan hal kekeluargaan, makanan, rezeki dan seumpamanya, (Mustafa 'Afifi dan Mohd Mahyeddin, 2012). Apa yang lebih menarik tentang konsep makanan dan rezeki halal yang disebut di dalam al-Quran ialah kata "*toyyib*". Mengikut pandangan At-Tobari, *Toyyib* bermakna sesuatu yang bersih, berkualiti, tidak najis dan tidak haram untuk dimakan. Secara mudah, arahan Allah s.w.t dalam hal makanan bukan terhenti setakat memakan makanan yang halal semata-mata, bahkan ia melangkaui ke satu tahap yang lebih tinggi daripada itu iaitu memakan makanan yang halal yang bersifat elok atau tinggi mutunya. Dalam konteks menyediakan perkhidmatan penginapan, para pengusaha dan penginap adakalanya turut menyediakan dan membawa minuman beralkohol di dalam premis yang pastinya mengundang rasa tidak nyaman dalam kalangan pelancong muslim yang peka dengan hal ehwal suci, bersih lagi halal.

Ibnu Umar RA berkata, Rasulullah SAW melarang memakan binatang yang memakan najis dan melarang meminum susunya. Riwayat Imam empat kecuali Nasai. Menurut Hadis Hasan menurut Tirmidzi. Nabi SAW bersabda yang bermaksud,

"Sesungguhnya tidak masuk syurga daging dan darah yang tumbuh dari sesuatu yang haram, namun neraka lebih berhak untuknya."

(HR Imam Ahmad bin Hanbal).

Selain itu, dalam Firman Allah SWT berbunyi,

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(QS Albaqarah 2:173)

iii) Tidak Monopoli

Monopoli barangan keperluan asas oleh peniaga adalah dilarang dalam Islam. Antara hak peniaga terhadap pelanggan adalah tidak menyekat keperluan asas yang menjadi nadi keperluan utama isi rumah. Bermonopoli bermaksud sesuatu barangan dikuasai oleh peniaga tertentu sahaja yang akan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan barang tersebut daripada peniaga lain. Monopoli keperluan barangan asas yang amat diperlukan oleh pengguna boleh menyebabkan harga barangan dinaikan kerana peniaga lain tidak menjual barangan tersebut.

Barangan tersebut dihimpun dan disorok dengan tujuan untuk menaikkan harganya berlipat kali ganda dan kemudian dijual sedikit demi sedikit dengan mengeksploitasi keperluan orang ramai. Pandangan para ulama' daripada semua mazhab, tidak berbeza dalam mendefinisikan maksud monopoli barang (*al-ihthikar*). Dinyatakan beberapa definisi *al-ihthikar* di sisi para ulama' pelbagai mazhab. Imam al-Nawawi mendefinisikan monopoli barang (*al-ihthikar*) sebagai, "*Seseorang membeli barang makanan ketika harganya tinggi untuk dijual belikan, tetapi dia tidak menjualnya serta merta pada waktu itu, malah disorokkannya agar dia dapat menjual barang tersebut dengan harga yang lebih tinggi.*" (Lihat Syarah Nawawi 'ala Muslim, 11/43). Menurut Imam al-Syairazi, monopoli barang (*al-ihthikar*) adalah, "*Seseorang membeli barang pada waktu harganya tinggi dan menahannya bagi tujuan menaikkan harganya.*" (Lihat al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie, 2/64). Imam al-Ghazali menyatakan bahawa monopoli barang (*al-ihthikar*) adalah, "*Penjual barangan menyimpan barangan kerana menunggu harga dinaikan.*" (Lihat Ihya' Ulum al-Din, 2/24). Menurut Imam al-Haskafi, monopoli barang (*al-ihthikar*) adalah, "*Membeli makanan atau selainnya dan menahannya sehingga tinggi harganya selama 40 hari*". (Lihat Majma' al-Anhar fi Syarh Multaqa al-Abhar wa Ma'ahu al-Durr al-Muntaqa, 2/547).

Kenaikan harga barangan secara bertali arus bukan sahaja membebankan golongan berpendapatan rendah dan sederhana bahkan dibimbangi akan meningkatkan lagi kadar jenayah dalam masyarakat. Kenaikan harga barang yang tidak terkawal mengakibatkan tekanan emosi dalam kalangan masyarakat kerana terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup dan boleh mengundang kegiatan jenayah termasuk ragut, rompakan, keruntuhan rumah tangga dan masalah sosial. Hukum Monopoli Barang adalah perbuatan haram berpandukan hadith Nabi SAW yang bermaksud "*Monopoli hanya dilakukan oleh orang yang bersalah.*" Riwayat Muslim (1605)

iv) Bersikap Jujur

Dalam keghairahan peniaga mempromosi dan menarik pelanggan, pelbagai cara dan strategi dibuat dengan tujuan melariskan barang jualan. Sungguhpun perbuatan itu dibolehkan, namun sebagai perniaga yang beriman adalah sewajarnya tidak alpa dan lupa bahawa Islam melarang sebarang bentuk penipuan dalam perniagaan dan perlu sentiasa bersikap jujur. Allah Swt telah menjelaskan keharusan berjual beli dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang berbunyi, "

Apabila Allah Swt memberi laluan kepada hamba-Nya untuk menjana keuntungan melalui muamalat (jual beli), maka perkara yang perlu diambil kira adalah keuntungan perniagaan itu hendaklah diperolehi dengan cara yang dibenarkan oleh syarak iaitu penjual hendaklah berlaku jujur dan tidak melakukan penipuan."

(QS al-Baqarah ayat 275)

Menipu dengan melakukan sesuatu helah untuk kepentingan diri sendiri dan memudharatkan orang lain. Pelbagai cara penipuan boleh berlaku dalam aktiviti perniagaan seperti memalsukan tandatangan, menjual barang tiruan dengan harga yang mahal dan menipu pelanggan dengan iklan-iklan yang palsu. Hal ini juga boleh diterjemahkan dalam bentuk menyediakan perkhidmatan penginapan patuh syariah melalui ruangan iklan di media massa untuk menarik minat pelancong dan pengunjung. Namun realitinya, tahap kepatuhan syarak yang diplementasikan masih berada di tahap rendah.

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa "Rasulullah SAW telah melalui setimbunan makanan yang dijual seraya memasukkan tangannya ke dalam timbunan makanan tersebut dan mendapati jari-jemarinya basah. Rasulullah SAW

bersabda, apakah semua ini wahai pemilik makanan? Lelaki itu menjawab; makanan ini telah ditimpa hujan wahai Rasulullah SAW. Seraya Rasulullah bersabda: kenapa tidak kamu jadikan yang basah itu disebelah atas makanan agar manusia dapat melihatnya, barang siapa yang menipu maka ia bukan dari agamaku (yang sempurna)”.

Selain itu, Diriwayatkan oleh Abi Qatadah al-Anshari, “sesungguhnya ia telah mendengar rasulullah SAW bersabda, awas kamu dari banyak bersumpah dalam berniaga. Sesungguhnya (kadang kala) banyak bersumpah dalam berniaga boleh melariskan barangan akan tetapi selepas itu ia akan menghilangkan barakahnya”.

Berpandukan kepada dua hadis ini, sebagai peniaga yang beriman dan berpegang teguh kepada ajaran agama hendaklah mengelak dari sebarang bentuk penipuan dan daripada banyak bersumpah dalam keghairahan melariskan barangan jualan untuk mendapat keuntungan daripadanya.

v) Menjauhi Riba

Dalam menjalankan aktiviti perniagaan, amalan riba hendaklah dielakkan sepenuhnya. Peniaga yang baik dan diredhai Allah SWT ialah peniaga yang mampu berniaga dengan berpandukan peruntukan syarak, bebas dari sebarang bentuk riba sama ada dalam mendapatkan modal, membuat simpanan, membuat pelaburan dan seumpamanya. Riba merupakan perkara yang diharamkan dalam Islam. Orang yang menyatakan riba adalah halal akan menjadi kufur dan terkeluar dari Islam, kerana riba adalah salah satu dari dosa besar yang wajib dielakkan oleh seorang muslim yang disebutkan secara jelas dalam al-quran dan sunnah tentang pengharamannya.

Istilah riba telah dikenal dan digunakan dalam transaksi-transaksi perekonomian oleh masyarakat Arab sebelum datangnya Islam. Akan tetapi pada zaman tersebut, riba yang berlaku merupakan tambahan atau gandaan berupa wang akibat tidak mampu membayar hutang dalam tempoh yang ditetapkan mengakibatkan penangguhan tempoh pembayaran. Dengan demikian, riba dapat diertikan sebagai caj tambahan yang dikenakan ke atas jumlah hutang atau caj tambahan kerana seseorang lewat membayar hutang.

Di dalam surah al-Baqarah, ayat 278-279 dirakamkan bahawa Allah dan rasul memerangi pemakan riba. Firman Allah, mafhumnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.

(QS al-Baqarah: 278-279).

Pematuhan Kosep *Summum Bonum* Dalam Etika Pelanggan Di Homestay Patuh Syariah

Objektif kedua adalah merujuk penelitian pematuhan ciri-ciri etika pelanggan di homestay yang terpilih dalam kajian ini menjelaskan bahawa kesemua empat-empat ciri-ciri homestay patuh syariah seperti yang disenaraikan dalam jadual 2 tidak mencapai pematuhan secara total.

Jadual 2: Etika Pelanggan

Ciri-ciri Homestay Patuh Syariah	Ya		Tidak	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus
Pelanggan berpakaian yang menutup aurat	19	63.3	11	36.7
Menjaga adab dan akhlak	25	83.3	5	16.7
kedatangan penginap dalam kalangan mahram	22	73.3	8	26.7
Sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan	28	93.3	2	6.7

Sumber : (Kajian Lapangan, 2022)

Melalui perincian peratusan didapati bahawa keempat-empat indikator yang diperincikan dalam Jadual 1 tidak mencapai pengaplikasian patuh syariah secara penuh atau 100 %. Peratusan patuh syariah yang tinggi cuma sekitar (93.3 %) iaitu bagi etika pelanggan yang sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan. Etika pelanggan paling rendah peratusannya adalah pada etika berpakaian menutup aurat dengan catatan hanya 63.3 %. Berdasarkan kajian rintis yang telah dilaksanakan, hanya menggambarkan keadaan penginapan pelanggan di homestay secara umum. Dapatan kajian ini adalah sebagai rujukan untuk para pengusaha homestay melakukan penambahbaikan dalam usaha memperkasakan Model Homestay Patuh Syariah khususnya di Sabah.

Pendefinisian Ciri-Ciri Konsep Etika Pelanggan Dalam Homestay Patuh Syariah

Sementara itu, pendefinisian konsep ciri-ciri *homestay* dalam aspek etika pelanggan mengikut indikator turut diperincikan seperti berikut;

1) Etika Berpakaian Menutup Aurat

- Berpakaian menutup aurat dan mematuhi syarak (lelaki dan perempuan);
- Pakaian adalah longgar, tidak sempit dan tidak ketat sehingga menunjukkan susuk tubuh;
- Pakaian daripada jenis kain tebal, tidak nipis dan tidak jarang sehingga melihatan bayangan tubuh;
- Pakaian tidak berbentuk hiasan berlebihan sehingga menarik perhatian;
- Pakaian tidak menyerupai jantina bertentangan;
- Pakaian tidak menyerupai pakaian orang-orang bukan Islam dan musyrik.

Islam telah menggariskan kaedah dan cara yang unik untuk memenuhi kewajipan menutup aurat. Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan umat Islam menutup aurat untuk memelihara maruah dan kehormatan serta menghindarkan mereka daripada kejahatan dan dosa. Firman Allah SWT yang bermaksud,

“ Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh

mereka kecuai yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka”.

(Surah al-Nur : 31)

Menurut Asmawati et al., (2013), majoriti umat Islam tahu tentang kewajipan menutup aurat namun masih terdapat mereka yang tidak menutup aurat dengan sempurna. Malah, terdapat pelbagai cara penutupan aurat yang diselaraskan mengikut fesyen serta peredaran zaman. Situasi ini memperlihatkan ketidakjelasan atau ketidakfahaman masyarakat secara mendalam tentang kaedah atau konsep menutup aurat di dalam Islam.

2) Etika Menjaga Adab dan Akhlak

- Ikhlas
- Istiqomah
- Taat
- Disiplin
- Percaya dengan pertolongan dan janji Allah
- Ukhwah
- Kerahsiaan
- Tidak leka dengan pencapaian
- Tidak Melampau

Etika dan nilai yang lahir daripada diri seseorang menjadi ukuran baik atau buruknya seseorang individu itu. Bahkan bagi mereka yang tidak berpegang kepada mana-mana agama menjadikan akhlak dan etika sebagai piawaian bagi balasan yang bakal mereka terima di akhirat kelak. Etika dan nilai dalam islam pada manusia hendaklah bersumberkan kepada wahyu dan tidak semata-mata bergantung kepada akal sahaja. Salah satu ayat Al-Quran dalam Surah Al-Isra: ayat 37 menjelaskan tentang akhlak iaitu sifat rendah hati dan tidak sombong.

“Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong, karena sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai setinggi gunung”

(Al-Isra: ayat 37)

3) Etika penginapan dalam kalangan (mahram)

- *Mahram Muabbad* iaitu ahli keluarga yang haram dinikahi selama-lamanya iaitu (ibu, nenek, moyang dan yang berkaitan dengan muabbad)
- *Mahram Muaqqat* iaitu ahli keluarga yang haram dinikahi sementara kerana sebab-sebab tertentu seperti (adik ipar/ kakak ipar)
- Tidak boleh melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral dan dilarang agama dalam kalangan mahram
- Melarang kedatangan pasangan bukan mahram untuk menginap bersama.

Mahram adalah dimana terdapat para wanita-wanita yang tidak diperbolehkan atau bahkan haram untuk dinikahi disebabkan oleh faktor keturunan, faktor persusuan maupun faktor perkawinan dalam ajaran Islam. Kata mahram itu sendiri adalah (*mahramun*) yang membawa erti orang-orang yang merupakan lawan sejenis kita. Namun haram (tidak diperbolehkan) untuk dinikahi dalam waktu sementara bahkan untuk selama-lamanya. Dan yang dimaksud dengan keharaman menikahi wanita tersebut adalah juga berhubungan langsung mengenai boleh atau

tidaknya untuk melihat aurat, serta berhubungan baik secara langsung maupun tidak langsung, maka jika kita melanggar peraturan tersebut akan mendapat dosa. Berikut merupakan dalil tentang mahram atau mengenai seorang wanita yang haram untuk dinikahi yang sudah tertulis di dalam firman Allah SWT pada surat An nisa ayat 23-24 yang berbunyi :

Maksudnya: *“Diharamkan atas kamu (mengawini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan, saudara saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusui kamu; saudara perempuan sepersusuan; ibu-ibu istrimu (mertua); anak-anak istrimu yang dalam pemeliharaanmu dari istri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan istrimu itu (dan sudah kamu ceraikan) maka tidak berdosa kamu mengawininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-istri anak kandungmu (dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

(QS. An Nisa : 23)

Berikut merupakan hadits yang disebutkan oleh Rasulullah SAW

- **Mahram kerana nasab**, Abdullah ibn Yusuf menyampaikan kepada kami, Malik mengkhabarkan kepada kamu, dari Abi al-Zinad dari Al-A'raj, dari Abi Hurairah R.A berkata : Janganlah kamu mengumpulkan (dalam pernikahan) perempuan dengan bibinya (dari pihak ayah) dan perempuan dengan bibinya (dari pihak ibu)
- **Mahram kerana sepersusuan**, Yahya ibn Yahya menyampaikan kepada kami, ia berkata : aku membacakan kepada Malik, dari Abdillah ibn Abi Bakr dari Amrah bahwasanya Aisyah R.A mengkhabarkan, ketika Rasulullah SAW bersamanya, dan ketika ia mendengar suara laki-laki meminta izin untuk memasuki rumah Hafsa, Aisyah berkata : aku berkata ; ya Rasulullah, laki-laki itu meminta izin memasuki rumahmu, maka Rasulullah SAW bersabda; aku lihat dia adalah si fulan paman sesusuan Hafsa maka Aisyah berkata; Ya Rasulullah, seandainya fulan paman sesusuan Aisyah masih hidup, bolehkan ia masuk ke rumahku ? Rasulullah SAW bersabda; ya, sesungguhnya susuan mengharamkan apa yang diharamkan oleh hubungan kelahiran (darah).
- **Mahram kerana sedang dalam ihram haji atau umrah**, “Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Yahya, dia berkata; Ku dapatkan dari Malik dari Nafi dari Nubaih bin Wahab dari Umar bin Abdullah ketika Thalhah bin Umar ingin menikahi anak perempuan Syaibah bin Jabir, maka telah mengirimkan khabar kepada Aban bin Usman yang hadir ketika itu dan dia adalah pemimpin jemaah Haji, Aban berkata aku mendengar Usman bin Affan berkata Rasulullah SAW bersabda orang yang sedang ihram tidak boleh menikah, dinikahkan atau melamar.” (H.R Muslim).
- **Mahram dari kalangan wanita** iaitu orang-orang yang haram dinikahi oleh seorang lelaki selamanya (tanpa batas). (Di sisi lain lelaki ini) boleh melakukan safar bersamanya, boleh berboncengan dengannya, boleh melihat wajahnya, tangannya, boleh berjabat tangan dengannya, dan seterusnya dari hukum-hukum mahram.

4) Etika Menjaga Kebersihan Diri dan Ruang Penginapan

- Mandi secara teratur (sebelum subuh dan sebelum maghrib)
- Tidur secara teratur (8 jam sekurang-kurangnya)
- Bersugi

- Kerap mencuci tangan dan memotong kuku (sanitasi)
- Menjaga kebersihan rambut
- Menjaga kebersihan barangan peribadi (tuala wanita)
- Menjaga kesucian ruangan solat
- Menjaga kebersihan dapur, tandas, tempat tidur dan ruang utama
- Sentiasa memakai pakaian bersih
- Menguruskan sisa buangan (domestik) sebelum keluar dari penginapan

Islam adalah agama yang mendorong semua penganutnya untuk mencintai kebersihan. Bahkan, dari ayat-ayat Alquran hingga hadith-hadith Nabi Muhammad SAW pun dijelaskan betapa pentingnya menjaga kebersihan. Allah SWT telah berfirman;

Maksudnya: "...*Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri.*"

(QS. Al-Baqarah ayat 222)

Menelusuri makna di sebalik ayat tersebut, kita diingatkan untuk tetap bersih dan suci adalah sebahagian dari iman. Dengan mensucikan diri, bererti kita sebagai hambaNya menunjukkan cinta dan pengabdian kepada Allah SWT. Pengurusan hotel dan pusat peranginan, termasuk penyedia kemudahan penginapan lain (homestay) disarankan agar memastikan keselamatan dan kebersihan premis mereka sentiasa berada dalam keadaan terbaik untuk keselesaan tetamu. Begitu juga dengan tetamu, perlu menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan kerana ianya mencerminkan personaliti dan keperibadian seseorang individu di mata individu lain. Mustika dan Mega (2022) menjelaskan kepentingan mengetahui tatacara yang betul untuk menjaga kebersihan dan keselesaan di dalam ruang penginapan (hotel) adalah bermula dengan menjaga kebersihan seperti mencuci tangan sebelum dan selepas melakukan aktiviti dan sentiasa mengawal daya tahan tubuh badan dengan melakukan gaya hidup yang sihat.

Perbincangan Idea Inovasi

Idea inovasi yang dikemukakan dalam kajian ini lebih bersifat mendalami keadaan dan situasi dalam perkembangan industri pelancongan islamik di Malaysia khususnya di Sabah dalam menawarkan pakej atau perkhidmatan penginapan yang berlandaskan patuh syariah. Idea ini juga dikembangkan dalam penelitian penginapan jenis homestay kerana ianya tidak begitu mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji bidang pelancongan yang berkhususkan islamik dan juga perkhidmatan penginapan. Kebanyakan idea berkaitan penelitian atau perkembangan industri pelancongan islamik yang memfokuskan kepada penginapan lebih menjurus kepada sektor perhotelan yang berskala besar. Justeru idea inovasi ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan utama para pengusaha homestay dalam memperkasakan penginapan patuh syariah sekaligus mengembangkan syiar Islam untuk mencapai '*Sommum Bonum*' atau prinsip kebaikan tertinggi dalam perniagaan yang diusahakan.

Impak Inovasi Idea

Impak inovasi idea yang tercetus dalam penyelidikan ini secara keseluruhannya akan dapat menghasilkan sebuah Model Program Homestay berasaskan Pematuhan Syariah khususnya bagi negeri Sabah. Idea-idea inovasi penambahbaikan patuh syariah yang dinyatakan juga turut memberi impak kepada para pelancong sama ada yang beragama Islam atau yang bukan Islam yang menginap di homestay patuh syariah adalah memenuhi keperluan kemanusiaan dan kecekapan sejagat seperti yang dituntut dalam Islam. Islam merupakan *ad-Din*, sebuah cara hidup yang lengkap meliputi seluruh aspek kehidupan. Justeru, Islam datang bersama kerangka

dasar Akidah (kepercayaan), Syariah (undang-undang dan peraturan) dan Akhlak (nilai-nilai murni dan budi bahasa), yang kemudiannya datang bersama lima tujuan utama Islam untuk dijadikan sandaran kehidupan yang kita sebut sebagai Maqasid Syariah iaitu *Hifz ad-Din* (menjaga agama), *Hifz an-Nafs* (menjaga nyawa), *Hifz al-aql* (menjaga akal), *Hifz al-mal* (menjaga harta) dan *Hifz an-nas* (menjaga keturunan).

Potensi Komersial

Penyelidikan ini akan dapat menghasilkan Model Program Homestay berasaskan Patuh Syariah khususnya di Sabah. Penyelidikan asas dan empirikal telah dijalankan bersama rakan usaha sama antarabangsa iaitu daripada rakan pensyarah dari Brunei Darussalam dan Indonesia berhubung ciri-ciri pelaksanaan program homestay patuh syariah di Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah. Selain itu, penyelidikan ini juga dapat mewujudkan proses pemindahan ilmu kepada pengusaha homestay berhubung bentuk penyediaan infrastruktur, pakej program homestay, ciri perkhidmatan, dan jenis aktiviti homestay yang dianggap patuh syariah sebagai produk pelancongan Islam.

Perkembangan pelancongan Islam di Malaysia membuka ruang dan peluang kepada masyarakat meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya di Sabah dengan cara memasarkan kepelbagaian jenis produk pelancongan Islamik. Disamping itu, penyelidikan ini berpotensi untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pengusaha homestay dengan melihat sudut pandangan rakan kerjasama negara Islam bersekutu iaitu dari Negara Brunei Darussalam dan Indonesia dalam menawarkan produk pelancongan seperti homestay patuh syariah. Hasil daripada pelaksanaan penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan nilai tambah kepada pembangunan produk pelancongan di Sabah dalam aspek menjaga keharmonian hidup bermasyarakat (komuniti) dan juga sosio-budaya.

Pembangunan Harta Intelek

Pembangunan harta intelek di dalam sesebuah negara akan meningkatkan tahap inovasi, ekonomi dan menganjaknya ke sebuah negara berasaskan ekonomi pengetahuan. Sektor pelancongan dikenali sebagai industri yang berdaya maju, sumber utama pendapatan dan menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (UNWTO, 2017). Dari segi pembangunan produk, kerajaan Malaysia telah berjaya mempelbagaikan produk pelancongan seperti pelancongan kesihatan, pendidikan, agro dan eko-pelancongan, rumah inap (homestay) dan lain-lain (Zulkifli, et. al., 2011). Kebelakangan ini, Malaysia turut memperkenalkan konsep pelancongan Islam bagi tujuan menarik lebih ramai pelancong yang beragama Islam, (Tengku Kasmini, et. al., 2021).

Model intelek juga merupakan aset utama dalam pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan (Bhatti dan Zaheer, 2014), harta intelek, pengalaman dan maklumat yang boleh digunakan untuk menjana sumber dan kekayaan (Stewart, 1997). Justeru, kajian penyelidikan ini ingin menjadikan Model Homestay Patuh Syariah dijadikan sebagai Harta Intelek yang dibangunkan di bawah geran penyelidikan ini. Terdapat lima ciri-ciri pengaplikasian model homestay patuh syariah yang diketengahkan dalam penyelidikan ini iaitu (i) Reka bentuk dan ruang persekitaran (Bilik), (ii) Organisasi dan kakitangan penginapan, (iii) Etika Pelanggan, (iv) Kemudahan umum dan (v) keselamatan dan keselesaan. Dalam kertas kerja kali ini, ciri-ciri Etika Pelanggan yang ditonjolkan. Berdasarkan kepada sorotan literatur daripada para pengkaji lepas, belum ada lagi Model Homestay Patuh Syariah dibangunkan dan penyelidikan ini merupakan perintis utama ke arah perkembangan pelancongan islamik di Sabah.

Kesimpulan

Islam meletakkan pencapaian objektif syariah (*Maqāsid Syariah*) melalui pemahaman yang jelas, pegangan yang kukuh serta amalan yang konsisten terhadap konsep-konsep tauhid, khilafah dan ibadah kepada Allah SWT. Islam menggerakkan konsep-konsep ini melalui unsur-unsur keadilan sosial (*al-'adālah*) dan kepentingan (*maslahah*) dalam masyarakat. Islam sebagai agama yang sempurna telah menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi dalam merangka dan melaksanakan etika baik dalam kalangan peniaga dan juga pelanggan yang menggunakan perkhidmatan penginapan patuh syariah. Dalam usaha memperkasakan pelancongan islamik di Sabah, penerapan etika islam dalam perniagaan dan sistem kawalan selia pematuhan etika para pelanggan dan penginap oleh para pengusaha homestay perlu diperhebatkan lagi. Pelbagai medium informasi dan galakan boleh digunakan sama ada dakwah dan *tarbiyyah* secara konvensional mahupun media sosial interaktif bagi memastikan penerapan etika islam ini menjadi satu norma dalam kehidupan yang tidak lagi dipandang enteng.

Penghargaan

Penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih diberikan kepada Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan penyelidikan di bawah Geran Skim Dana Khas (SDK0336-2022), para penyelidik serta para pengusaha homestay Bandaraya Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna yang terlibat di sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abdul Muin, S., Abdul Rahman, A., Samuni, N., Abdullah, M., Rusdi, M. (2022). Homestay Berasaskan Patuh Syariah dan Bukan Patuh Syariah: Satu Perbandingan. *International Journal Of Social Science Research*. 4(3), 253-267.
- Abdul Muin, S., Samuni, N., Abdul Malek, M. D., Ibrahim, D., Mad Shah, J., Abdullah, M. N. A., Ag, M. A. (2022). *Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Keselamatan Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah Merujuk Perspektif Maqasid Syariah*. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. 4 (3), 294-305.
- Al-Quran dan terjemahan.
- Arham, M. (2010). Islamic Perspectives On Marketing. *Journal of Islamic Marketing*. 1(2), 149-164.
- Asmawati, S., Mohd Faizal, M. Z., Abdul Muhsin, A., & Mohd Aderi, C. N.(2013). Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum. *The Online Journal of Islamic Education*. 1 (1), 40-47.
- At-Tobari, Muhammad bin Jarir, *Tafsir At-Tobari*, 1405, Beirut: Darul Fikir, jld2, hlm.76.
- Bhatti, W.A., Arshad Zaheer, A. (2014). *The Role Of Intellectual Capital In Creating And Adding Value To Organizational Performance: A Conceptual Analysis*. *The Electronic Journal of Knowledge Management*. 12(3): Pp 187–194.
- Bibi Noraini, M. Y., & Muhammad Fathullah, A. H. M. A. (2023). Program Perkampungan Sunnah Perlis Sebagai Produk Pelancongan Islamik. *International Journal of Business and Technology Management*. 5 (1). 72-91.
- Enoh. (2007). Konsep Baik (Kebaikan) dan Buruk (Keburukan) Dalam Al-Qur'an. *Mimbar*. Volume XXIII, 15-39.
- Milton, C. A., & Edelvino, R. F. (2021). The Pyramid of Information - Criticism and Opportunity. *International Journal of Advanced Engineering Research and Science (IJAERS)*. 8(5), 356-365.

- Mohd Nizho Abdul Rahman, & Mohd Shukri Hanapi. (2008). Etika Perniagaan dari Perspektif Satu Tinjauan. Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Anjuran JAKIM Dan Universiti Malaya, 1–28.
- Muhammad Yusof, H. K., Muhammad Abu Naim, Z. I., & Kamarul, A. J. (2020). *Trust Model Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial*. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan, 2(2) 2020, 12 May 2020, Dewan Maya, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. 55-66.
- Mustafa 'Afifi, A. H., & Mohd Mahyeddin, M. S. (2012). Hak Pengguna Dalam Produk Halal: Kajian Berdasarkan Perspektif Undang-Undang Dan Syariah. *Malaysia Consumer Law Journal*. Vol.1, 69-95
- Mustika, P., & Mega, A. (2022). An Evaluation Of The Health Protocolat The X Palembang Hotel. *Jurnal Akademi Pariwisata Medan*. 10(1), 85-96.
- Normala, A. R. (2009). *Kekuatan Niat Keusahawanan (Entrepreneurs Intention) Pelatih Industri Automotif Terhadap Kerjaya Usahawan Era Terkini*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional). Fakulti pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. (Tidak diterbitkan).
- Norvadewi. (2015). Bisnis dalam Perspektif Islam (Telaah Konsep, Prinsip dan Landasan Normatif). *Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*. 1 (1).
- Qamar, N., & Rezah, F. S. (2022). The Dichotomy of Approach in the Study of Legal Science: A Critical Review. *SIGN Jurnal Hukum*, 4(2), 191-201. <https://doi.org/10.37276/sjh.v4i2.162>
- Rossidi, U., Fakhrol, A. Z., Nadhirah, N., Noradilah, A. W., Wan Hamid, M. (2019). Amalan Etika Perniagaan Islam Dalam Kalangan Usahawan Islam: Kajian Kes Di Syarikat Noor Arfa Holdings Sdn. Bhd. *Journal of Management and Operation Research*. 1(2), 1-4.
- Stewart, T. (1997). *Intellectual Capital: The New Wealth of Organizations*. New York: Doubleday/Currency.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Ahmad Tarmizi, A. R., Mohd Nor Azan, A., Mikdar, R. *Homestay Berasaskan Patuh Syariah Dan Bukan Patuh Syariah: Satu Perbandingan*. 4th Kuala Lumpur International Conference on Multi-Disciplinary Research 2022, 17 September, 2022, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd Nor Azan, A. (2022). *Tinjauan Reka Bentuk Dan Ruang Persekitaran Dalam Pelaksanaan Homestay Patuh Syariah Di Sabah*. International Seminar on Philosophy Civilisation, Ethics and Islamic Heritage (i-STET 2022). 19 Oktober 2022. Pusat Pengajian Teras. Universiti Islam Sains Malaysia.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd Nor Azan, A. (2022). *Tinjauan Isu Ruangan dan Cadangan Memperkasakan Perkhidmatan Penginapan Dalam Kalangan Pengusaha Homestay Patuh Syariah di Sabah*. 2nd Langkawi International Conference on Advanced Research 2022. 8 Oktober 2022. Langkawi, Malaysia.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd Nor Azan, A., Ahmad Tarmizi, A. R. (2022). *Pengaplikasian Ciri-Ciri Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Dalam Memperkasakan Pelancongan Islamik Di Sabah*. The International Borneo Innovation, Exhibition & Competition (IBIEC). 19-20 Oktober 2022. Politeknik Kota Kinabalu Sabah (PKK).
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd. Dahlan, A. M., Dzurizah, I., Jalihah, M. S., Mohd Nor Azan, A., Mardyawati, M. A. *Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Keselamatan Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah Merujuk Perspektif Maqasid Syariah*. 4th Kuala Lumpur International Conference on Multi-Disciplinary Research 2022. 17 September 2022. Kuala Lumpur, Malaysia.

- Tengku Kasmini, T. W., Noradiva, H., Norlida, H. M. S., Rozita, A. (2021). Nilai Islam dalam Pengurusan Modal Intelek di Sektor Perhotelan. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 55 (2): Pp 1-14.
- UNWTO. (2017). *UNWTO Tourism Highlights*. Dalam <https://www.e-unwto.org/doi/pdf/10.18111/9789284419876>
- Wasilul, C. (2014). Riba Dalam Perspektif Islam Dan Sejarah. *Iqtishadia*. Vol.1 (1), 98-113.
- Yusuf al-Qaradawiy (1995), *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islamiy*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 29-31.
- Zulkifli, W., Sahida, W., Ab Rahman, S., Awang, K. W., Man, Y. C. (2011). Developing The Framework For Halal Tourism In Malaysia. *International Business Management*. 5(6): Pp 295-302